

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL BERSTRUKTUR

1. Nyatakan contoh perlakuan guru yang menarik perhatian anda ?
2. Adakah perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda ?
3. Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda?
4. Jika perlakuan guru ini menarik minat anda, adakah anda akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya?
5. Nyatakan alasannya (berdasarkan jawapan anda tadi)
6. Adakah perlakuan guru ini menjadi pengajaran kepada anda?
7. Nyatakan perlakuan perlakuan mana yang menjadi pengajaran kepada anda ?
8. Adakah anda tahu,tujuan guru melakukan perlakuan tersebut ?
9. Jelaskan bagaimana anda tahu tujuan guru tersebut ?
10. Nyatakan contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian anda?
11. Jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian anda, adakah akan melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya?
12. Mengapa perlakuan ini melemahkan semangat anda untuk belajar ?
13. Apakah tindakbalas anda apabila guru melakukan perlakuan ini ?
14. Adakah anda berusaha untuk mengubah perlakuan guru ini,jika perlakuannya itu membosankan anda?
15. Mengapa anda perlu mengubah perlakuan tersebut?
16. Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya?
17. Jelaskan mengapa anda berkata demikian ?

Lampiran 2

1. Nyatakan contoh perlakuan guru yang menarik perhatian anda ?

Berpakaian kemas, menarik, pandai mengawal suasana pembelajaran, tidak bercakap satu hala sahaja, memberi peluang kepada pelajar menyuarakan pendapat, menepati masa, mempercayai, dipercayai dan bersungguh-sungguh untuk membantu pelajar memahami pengajarannya.

2. Adakah perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda ?

Ya

3. Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda?

Perlakuan positif ini mampu membina disiplin diri dalam persediaan untuk melangkah ke arah budaya kerja yang sihat dan profesional.

4. Jika perlakuan guru ini menarik minat anda, adakah anda akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya?

Ya. Pasti saya lakukan bersungguh-sungguh.

5. Nyatakan alasannya (berdasarkan jawapan anda tadi)

Dia sanggup mengorbankan masa, wang dan tenaga semata-semata untuk membantu kami mencapai kejayaan. Jelas menunjukkan guru ini amat mengambil perhatian dan meyayangi pelajarnya. Atas usaha yang sanggup bersusah payah saya sentiasa mahu menghadiahkan sesuatu yang amat mengembirakan iaitu kecemerlangan dalam mata pelajaran yang diajarnya.

6. Adakah perlakuan guru ini menjadi pengajaran kepada anda?

Ya

7. Nyatakan perlakuan perlakuan mana yang menjadi pengajaran kepada anda ?

Kesungguhannya mengajar

8. Adakah anda tahu,tujuan guru melakukan perlakuan tersebut ?

Ya, saya fikir saya tahu tujuannya

9. Jelaskan bagaimana anda tahu tujuan guru tersebut ?

Dengan cara guru menyelitkan gurauan semasa menerangkan

10. Nyatakan contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian anda?

Mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya seperti kamu ni terlalu bodoh, bangang dan sebagainya, tidak bersemangat untuk mengajar, terlalu emosional dan terlalu serius yang menimbulkan suasana ketegangan.

11. Jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian anda, adakah akan melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya?

Ya

12. Mengapa perlakuan ini melemahkan semangat anda untuk belajar ?

Ia sedikit sebanyak menganggu emosi pelajar

13. Apakah tindakbalas anda apabila guru melakukan perlakuan ini ?

Mendiamkan diri dan pasti ingin menyangkal kata-kata kesatnya jika berpeluang

14. Adakah anda berusaha untuk mengubah perlakuan guru ini jika perlakuannya itu membosankan anda?

Ya

15. Mengapa anda perlu mengubah perlakuan tersebut?

Jika ia berterusan begitu, saya akan keciciran, dan kualiti pengajarannya akan terus statik, menganggu usaha pelajar mencari ilmu yang bersuasana ceria dan tenang dengan sikap remaja.

16. Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya?

Pada fikiran saya, kedua-duanya saya pelajari.

17. Jelaskan mengapa anda berkata demikian ?

Perlakuan guru dan pengajaran saling berkaitan dalam usaha menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan lebih berkesan.

Lampiran 3

1. Nyatakan contoh perlakuan guru yang menarik perhatian anda ?

Mimik muka yang ceria, sentiasa senyum, bertolak ansur dan mudah memahami perasaan dan kehendak pelajar, cara pertuturan yang lemah lembut dan sering mengucapkan perkataan yang sopan iaitu perkataan yang tidak menyenggung perasaan pelajar.

2. Adakah perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda ?

Ya sebegini tentu

3. Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda?

Kerana dengan perlakuan ini, semua orang akan lebih menyenangi diri saya dan saya rasa lebih puas apabila bersikap begini.

4. Jika perlakuan guru ini menarik minat anda, adakah anda akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya?

Ya saya akan berbuat demikian.

5. Nyatakan alasannya (berdasarkan jawapan anda tadi)

Kerana dengan perlakuannya yang saya minati, saya lebih dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan dengan perlakuannya yang saya minati, ianya dapat menaikkan semangat saya untuk belajar bersungguh-sungguh.

6. Adakah perlakuan guru ini menjadi pengajaran kepada anda?

Ya, ianya menjadi pengajaran kepada saya.

7. Nyatakan perlakuan perlakuan mana yang menjadi pengajaran kepada anda ?

Cara pertuturan yang lemah lembut dan sentiasa mengutarakan perkataan yang sopan iaitu tidak menyenggung perasaan pelajar.

8. Adakah anda tahu,tujuan guru melakukan perlakuan tersebut ?

Mungkin

9. Jelaskan bagaimana anda tahu tujuan guru tersebut ?

Guru itu melakukan perlakuan tersebut mungkin untuk memberi gambaran sikap yang baik dan cuba menarik perhatian pelajar supaya menumpukan perhatian kepada apa yang diajarnya.

11. Jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian anda, adakah akan melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya?

Ya

12. Mengapa perlakuan ini melemahkan semangat anda untuk belajar ?

Sebabnya bila dah tak suka apalagi buat don't know aje le

13. Apakah tindakbalas anda apabila guru melakukan perlakuan ini ?

Mengata cikgu tu, tidak dengar apabila dia buat perbincangan, buat tak tau...saya akan kenakan cikgu ni

14. Adakah anda berusaha untuk mengubah perlakuan guru ini,jika perlakuannya itu membosankan anda?

Tidak

15. Mengapa?

Sebab siapa saya untuk mengubah cikgu...cikgu adalah pembimbing mana mungkin cikgu nak dengar cakap saya

16. Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya?

Mestilah pengajarannya mana mungkin saya pelajari perlakuannya yang kurang baik tu.

17. Jelaskan mengapa anda berkata demikian ?

Sebab saya ke sekolah untuk belajar bukan untuk mempelajari perlakuannya.

Lampiran 4

- 1. Nyatakan contoh perlakuan guru yang menarik perhatian anda ?**

Apabila guru membuat sesuatu yang pelik dan melawakkan.

- 2. Adakah perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda ?**

Ya

- 3. Mengapa perlakuan guru ini menjadi ikutan kepada anda?**

Sebab ia adalah sesuatu yang melawakkan untuk diajuk dan digelakkkan bersama

- 4. Jika perlakuan guru ini menarik minat anda, adakah anda akan bersungguh-sungguh untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran yang diajarnya?**

Mengikut keadaan juga

- 5. Nyatakan alasannya (berdasarkan jawapan anda tadi)**

Sebab apa yang cikgu ajar tu saya saham o.k..tapi kekadang saya sendiri tak tau apa yang cikgu ajar.

- 6. Adakah perlakuan guru ini menjadi pengajaran kepada anda?**

Kekadang

- 7. Nyatakan perlakuan perlakuan mana yang menjadi pengajaran kepada anda ?**

Apabila cikgu ni membebél, suka perkecilkan orang lain

- 8. Adakah anda tahu,tujuan guru melakukan perlakuan tersebut ?**

Mungkin dia tak suka pada saya..lagipun cikgu tu memang anti dengan saya.

- 9. Jelaskan bagaimana anda tahu tujuan guru tersebut ?**

Tidak menjawab

- 10. Nyatakan contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian anda?**

Apabila cikgu membebél dan tidak senang dengan saya.

10. Nyatakan contoh perlakuan guru yang tidak menarik perhatian anda?

Mimik muka yang masam dan seakan-akan marah, mengeluarkan kata-kata yang kurang baik seperti binggung, nada suara yang tinggi dan kasar, tidak boleh bertolak ansur dan terlalu mengikut emosi apabila marah.

11. Jika perlakuan guru ini tidak menarik perhatian anda, adakah akan melemahkan semangat anda untuk mengikuti pengajarannya?

Tidak juga

12. Mengapa perlakuan ini melemahkan semangat anda untuk belajar ?

Kerana saya ingin berjaya dalam pelajaran, jadi tidak pedulikan apa yang dilakukannya. Cuma perhatian saya kurang terhadap apa yang diajarnya.

13. Apakah tindakbalas anda apabila guru melakukan perlakuan ini ?

Kadang-kala cuba meminta pendapat rakan sebelah, melihat reaksi rakan sekelas yang lain, merungut di dalam hati, berazam tidak mahu bersikap demikian, membandingkan dengan kelakuan guru yang diminati.

14. Adakah anda berusaha untuk mengubah perlakuan guru ini,jika perlakuannya itu membosankan anda?

Tidak

15. Mengapa?

Kerana apabila saya tidak suka akan perlakuan sebegitu, saya lebih bersikap tidak kisah dan tidak mahu ambil peduli.

16. Manakah yang lebih anda pelajari, perlakuan guru atau pengajarannya?

Bagi saya perkara pertama sebelum memulakan sesi pelajaran, saya lebih suka pelajari perlakuan guru dan seterusnya menentukan sama ada ia menimbulkan minat saya terhadap pengajarannya.

17. Jelaskan mengapa anda berkata demikian ?

Kerana cara, gaya kelakuan dan persembahan guru dalam menyampaikan pengajaran mempamerkan sikapnya mampu meningkatkan semangat untuk lebih serius dalam proses pengajarannya.